

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA [PARIT]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-(a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah peningkatan kes bunuh diri sepanjang pandemik COVID-19 melanda Malaysia; dan (b) sejauh mana keberkesanan usaha yang telah dilaksanakan bagi membantu individu yang mengalami tekanan perasaan serta murung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha bagi penyelesaian masalah peningkatan bunuh diri adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor turut sama melaksanakan pelbagai program sokongan psikososial bagi membantu masyarakat menangani masalah psikologi termasuk cubaan kes bunuh diri.

Bantuan sokongan psikologi dan sosial amat diperlukan untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi semasa penularan wabak COVID-19 seperti:

- **Khidmat Aduan Atas Talian** melalui Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.
- **Khidmat Sokongan Psikologi Atas Talian** bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan. Talian Khas ini melibatkan seramai 250 orang sukarelawan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia
- Selain daripada dua talian di atas, agensi-agensi kerajaan yang lain juga ada menyediakan perkhidmatan dalam talian seperti:

SOALAN NO. : 25

- Mental Health and Psychological Support Service yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- KSK Care Centre@Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar bagi membantu masyarakat dalam menangani isu psikososial. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar ini merupakan satu entiti formal di bawah KPWKM dalam usaha membantu masyarakat dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat yang memerlukan. Selain membantu melaksanakan aktiviti seperti Talian Kasih 15999 Khas COVID-19, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar juga menyediakan khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan bantuan psikologi semasa berlakunya bencana untuk melaksanakan sokongan bantu mula psikologi (*Psychological First Aid*) kepada mangsa dan waris yang terkesan.
- Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental serta menyampaikan panduan (tips) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021.
- Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah.
- Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen dalam menangani krisis institusi keluarga kesan dari pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dalam membantu mensejahterakan institusi keluarga di Malaysia dalam mendepani cabaran COVID-19. Bagi tempoh fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan perkhidmatan kaunseling keluarga dan siri program keibubapaan dan kekeluargaan sebagai usaha untuk membantu mengekalkan kesejahteraan keluarga.

Justeru, sepanjang tempoh tahun 2020 sehingga Julai 2021, KPWKM menerusi LPPKN telah mengadakan perkhidmatan dan program pendidikan kekeluargaan seperti berikut :

- (i) **Perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan** semasa pandemik ini telah diperluas menggunakan kaedah e-kaunseling dan tele kaunseling. Sebanyak 4,415 sesi telah diadakan melibatkan 26,808 klien. Perkhidmatan kaunseling remaja turut dijalankan secara hibrid dan aplikasi interaktif myKafeTEEN yang melibatkan sebanyak 1,837 orang klien remaja.
- (ii) **Pendidikan kekeluargaan secara dalam talian menerusi penubuhan Akademi Keluarga Sejahtera (AKS).** Siri program bual bicara keluarga (AKS) telah diadakan sebanyak 10 Siri program di platform media sosial dengan 62,300 penonton. Selain itu juga sebanyak 1,064 program pendidikan kekeluargaan telah dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti melalui media sosial seperti *FB live, Instagram* dan *Zoom* dengan hampir 40 ribu tontonan.
- (iii) **Program Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran Remaja** di 18 buah Pusat Remaja KafeTEEN LPPKN dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian melibatkan penyertaan seramai 40,601 orang remaja. Manakala program Pengurusan Stres Dalam Kalangan Remaja Semasa COVID-19 juga diberi tumpuan dengan

pelaksanaan sebanyak 86 program yang melibatkan 1,402 orang remaja.

- (iv) **Program advokasi penerapan nilai-nilai murni** kekeluargaan turut dilaksanakan menerusi pengisian aktiviti sambutan Hari Ibu, Hari Bapa dan Bulan Keluarga sebagai menggalakkan penglibatan semua pihak untuk melindungi dan mengutamakan keluarga dalam menghadapi suasana persekitaran yang mencabar.
- (v) **Kolaborasi strategik bersama NGO** dengan mengadakan program pendidikan keibubapaan menggunakan pendekatan secara hibrid. Sebanyak 234 program Pendidikan Keibubapaan dan Kekeluargaan telah dilaksanakan dengan 16,430 orang ibu bapa yang terlibat.
- (vi) **Program bantuan segera** iaitu Kit Bantuan Sokongan Ibu dan Anak, pemberian keperluan asas ibu selepas bersalin seperti barangan penjagaan selepas bersalin, susu, lampin dan barangan keperluan bayi, seramai 2,000 ibu yang baru bersalin dalam kalangan B40 telah menerima manfaat terutama di kawasan PPR di Kuala Lumpur. Penerima bantuan ini seterusnya disusuli dengan program bantuan psikososial secara berterusan yang dijalankan oleh LPPKN dan agensi-agensi di bawah kementerian.

Pihak Kementerian juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan kementerian lain, juga pihak NGO yang cakna kepada kesejahteraan keluarga Malaysia melalui program dalam kapasiti masing-masing yang turut membantu keluarga yang terkesan. Menyedari kesejahteraan keluarga adalah penting untuk pembangunan masyarakat dan negara, pihak Kementerian sedang merangka konsep dan prinsip Gagasan Keluarga Malaysia sebagai pegangan dan komitmen untuk memastikan keluarga di Malaysia dapat terus membangun secara mapan. Ini akan diikuti dengan program-program yang bersesuaian khususnya khidmat bantuan psikososial kepada keluarga yang terkesan akibat COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peranan “Pak Sas” dalam usaha melakukan penjenamaan baharu untuk Menteri dan skop kerja beliau serta butir-butir terperinci perbelanjaan yang ditanggung untuk tujuan ini secara rasional di sebalik penjenamaan baharu Menteri semasa tempoh pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai sebarang rekod mengenai individu tersebut dan tidak ada sebarang peruntukan atau implikasi kewangan berkaitan individu yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.